



## **MAJLIS PENGIKTIRAFAN PERKHIDMATAN SKIM TERBAIK 2019 DAN PROMOSI PENGUATKUASAAN PERATURAN SISA BINAAN, KOMERSIAL, PERINDUSTRIAN DAN KEINSTITUSIAN**



Pada 19 Disember 2019, Dato' Sri Haji Mohammad bin Mentek Ketua Setiausaha KPKT merasmikan Majlis Pengiktirafan Perkhidmatan Skim Terbaik 2019 dan Promosi Penguatkuasaan Peraturan Sisa Binaan, Komersial Perindustrian dan Keinstitusian. Majlis turut dihadiri oleh YBhg. Datuk Dr. Mary Wong Lai Lin TKSU (Dasar), YBhg. Datuk Azhar bin Ahmad TKSU (KB) , YBrs. Tuan Ismail bin Mokhtar CEO SWCorp , YAS Dato' Mohammad Hamdan bin Hj Wahid KP JBPM, YBrs. Tuan Hj. Yaacub bin Haji Chik Pengerusi TTPS.

Pengiktirafan diberikan kepada Syarikat Koneksi yang berjaya melaksanakan perkhidmatan kutipan dan pembersihan awam secara efisien serta pemantauan penguatkuasaan dan pembudayaan kitar semula yang efektif oleh SWCorp di dalam satu perkhidmatan yang sama.

Majlis juga mempromosikan Penguatkuasaan Peraturan Sisa Binaan, Komersial, Perindustrian dan Keinstitusian. Peraturan tersebut telah diwartakan pada 1 Nov 2018 dan tindakan penguatkuasaan akan dilaksanakan mulai 1 Jan 2020 diseluruh negeri yang menerima pakai Akta 672. Negeri terbabit ialah Johor, Negeri Sembilan, Melaka, Pahang, Perlis, Kedah serta Kuala Lumpur dan Putrajaya. Selain itu, peraturan pengurusan sisa dari sektor ICI yang diwartakan pada 1 Ogos 2018 pula akan dikuatkuasakan sepenuhnya pada 1 Mac 2020.



Datuk Seri Mohammad Mentek menjelaskan bahawa usaha itu adalah ke arah menzahirkan Malaysia menjadi sebuah negara bersih dan indah selaras Dasar Kebersihan Negara. Beliau turut menegaskan bahawa dengan penguatkuasaan dua peraturan baharu ini, wujudlah Prosedur Operasi Standard

(SOP) jelas untuk pengurusan sisa dari sektor pembinaan dan sektor ICI. Sebagai contoh, pengasingan sisa binaan seperti kayu dan bekas simen, yang mana ada sesetengah daripadanya boleh digunakan untuk dikitar semula dan tidak perlu dibuang di tapak pembinaan.

Berdasarkan data Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) jumlah sisa binaan bagi tahun ini iaitu setakat Oktober lalu adalah 5.7 juta tan dan sekiranya ia tidak diuruskan secara efektif dan efisien ia akan memberi kesan buruk kepada negara. Beliau berkata demikian pada sidang selepas menyempurnakan Majlis Pengiktirafan Perkhidmatan Skim Terbaik 2019 dan Promosi Penguatkuasaan Peraturan Sisa Binaan, Komersial, Perindustrian dan Keinstitusian di sini, hari ini.



Dalam pada itu, beliau berkata pengiktirafan Perkhidmatan Skim Terbaik adalah program tahunan Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) yang diberikan kepada syarikat konsesi yang berjaya melaksanakan perkhidmatan kutipan dan pembersihan awam secara efisien, pemantauan penguatkuasaan dan pembudayaan kitar semula yang efektif.

Pelaksanaan penilaian pengiktirafan dijadikan sebagai satu penanda aras bagi skop perkhidmatan kutipan dan pembersihan awam di sesebuah kawasan perkhidmatan. Pelaksanaan program ini dapat meningkatkan sikap daya saing dalam melaksanakan gerak kerja antara syarikat konsesi dan SWCorp bagi mencapai kriteria yang ditetapkan dalam aspek penilaian. Sebanyak sembilan daripada 114 skim perkhidmatan telah disenaraikan dan hanya tiga skim perkhidmatan terbaik saja yang disenarai pendek.



Pada majlis itu, skim KDAS01 (Alor Setar, Kedah) dinobatkan sebagai johan apabila diiktiraf sebagai skim terbaik bagi 2019, diikuti skim PHRM01 (Rompin, Pahang) naib johan dan tempat ketiga adalah JHMR01 (Muar, Johor).